



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
USAHAWAN DAN KOPERASI

## SIARAN MEDIA

### LAWATAN JEJAK KOPERASI KE SEMPORNA, PERKUKUH GERAKAN KOPERASI DI SABAH

---

**SEMPORNA, 4 Mac 2024** – Pembiayaan berjumlah RM50,000.00 telah disampaikan kepada Koperasi Kurnia Semporna Berhad sebagai penerima pembiayaan Tabung Modal Pusingan SKM (TMP-SKM) sempena Lawatan Jejak Koperasi YB Datuk Ewon Benedick, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi ke Semporna, Sabah.

Koperasi Kurnia Semporna Berhad merupakan salah satu koperasi di bawah program bimbingan bersasar oleh Institut Koperasi Malaysia (IKMa) bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran ahli lembaga dan anggota koperasi untuk memastikan pentadbiran dan pengurusan koperasi lebih cekap dan telus.

Program yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) ini merupakan salah satu inisiatif untuk mendapatkan maklum balas daripada gerakan koperasi di peringkat akar umbi berhubung keperluan untuk memajukan koperasi di bawah agensi masing-masing.

Turut diadakan sesi libat urus bersama 12 koperator yang dilihat dapat mendekatkan lagi hubungan KUSKOP, agensi dan para koperator melalui gerakan koperasi di segenap peringkat sekali gus menzahirkan apresiasi serta sokongan KUSKOP terhadap pembangunan gerakan koperasi di peringkat nasional. Dalam lawatan ini, YB Menteri telah bersetuju mengumumkan mengenai cadangan penubuhan pejabat baharu SKM Cawangan Semporna, Sabah.

Selain itu, Jejak Koperasi ini melibatkan lawatan ke Koperasi Balimbang yang menjalankan aktiviti perkhidmatan bot ke pulau-pulau di sekitar Semporna dan juga Koperasi Pelancongan

North Borneo yang menjalankan aktiviti pelancongan serta menjalinkan hubungan strategik dengan beberapa pengusaha tempat percutian di sekitar Semporna bagi menyediakan pakej pelancongan terbaik. Dalam masa yang sama, program ini juga turut melibatkan lawatan ke Koperasi Usahawan Keluarga Madina Semporna Berhad yang menjalankan aktiviti memproses dan membekal mee kering kuning yang dijenamakan sebagai Ina Mee. Usaha sama seperti ini merupakan satu inisiatif yang sangat baik dan dijangka dapat memacu sektor koperasi untuk menjadi lebih kreatif dan berinovatif dalam mencari peluang baharu perniagaan serta dapat menjana pendapatan yang lebih tinggi.

Menerusi usaha sama seperti ini, koperasi keusahawanan diharap lebih berdaya maju selari dengan teras satu Malaysia MADANI iaitu memperkasa IKS dan Usahawan di Malaysia serta menjayakan visi KUSKOP iaitu menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan yang unggul.

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**4 Mac 2024**